

06 NOV 1996

PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN MAHU RANCANGAN APEC BERLANDASKAN ALAM SEKITAR

MANILA, 6 Nov (Bernama) -- Sebuah pertubuhan bukan kerajaan berkata sidang kemuncak APEC di sini bulan ini akan menghadapi kegagalan melainkan ia menerima rangka kerja pengliberalan perdagangan berasaskan alam sekitar.

"Caucus of Development NGOs" (Code-NGOs) berkata agenda pengliberalan dagangan dan pelaburan sepatutnya dalam lingkungan rangka kerja pembangunan berlanjutan.

"Pembangunan berlanjutan bukan sahaja membabitkan perlindungan alam sekitar, tetapi menyentuh kestabilan sosial dan pertumbuhan ekonomi yang sama rata," katanya dalam kertas kerja yang diperolehi Bernama di sini.

Code-NGOs, kumpulan payung kebangsaan bagi 5,000 NGO, berkata bahawa berlawanan dengan sesetengah salah tanggapan, konsep pembangunan berlanjutan adalah satu prinsip yang mencakupi semua bidang dan perlindungan alam sekitar hanyalah satu daripada komponennya.

Ia memberi amaran bahawa memandangkan arah haluan sekarang, langkah-langkah pengliberalan dagangan APEC akan mengakibatkan lebih banyak kemusnahan alam sekitar dan lebih banyak ketidakseimbangan pendapatan di rantau Asia Pasifik.

Menurut pertubuhan itu, terdapat tiga wawasan berlawanan mengenai APEC, satu daripadanya, yang diketengahkan oleh Amerika Syarikat - ialah untuk menukarkan blok serantau itu menjadi kawasan "terbuka dan dagangan bebas" tidak lewat daripada tahun 2020.

Wawasan kedua, yang dicadangkan oleh Jepun, ialah untuk memperlahankan pengliberalan dagangan dan pelaburan dan sebaliknya mewujudkan kerjasama teknikal dan ekonomi pelbagai hala antara rantau.

Wawasan ketiga, yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahukan pendekatan Asia kepada Asia.

Tetapi Code-NGOs berpendapat bahawa cadangan Mahathir "telah terpendam dan menghadapi tentangan negara-negara Asia yang lain yang mempunyai kegiatan dagangan yang kukuh dengan Barat."

Sebaliknya, banyak negara anggota APEC tidak gemar dengan wawasan Amerika kerana ia memberi penekanan kepada peranan dominan negara itu dalam kegiatan-kegiatan politik dan sosio ekonomi rantau berkenaan.

Pertubuhan itu juga berpendapat bahawa wawasan Jepun agak mencurigakan kerana ia akan mengakibatkan pergantungan yang berlebihan kepada Tokyo untuk pembiayaan luar dan bantuan teknikal melalui pemberian geran.

"Pilihan terbaik ialah untuk menerima pembangunan berlanjutan sebagai satu falsafah untuk menjalankan dagangan di kalangan negara-negara APEC," tambah pertubuhan itu. -- BERNAMA

ALJ SIA